AKTIVITI 3 : AMALAN BERDOA

Isikan tempat kosong dengan memilih perkataan atau frasa yang betul bagi melengkapkan ayat-ayat yang berikut.

selawat	kesihatan	senang	usaha	pertolongan
buruk	berdoa	dimakbulkan	yakin	menadah tangan

1. Islam menggalakkan umatnya untuk sentiasa mengingati Allah subhanahu wataala dengan _____.
2. Doa diamalkan untuk mendapat _____ dan rahmat Allah.
3. Doa harus dimulakan dan diakhiri dengan memuji Allah Subhanahu Wata'ala serta mengucap _____ ke atas junjungan Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasalam.
4. Orang-orang Islam adalah digalakkan berdoa dalam keadaan berwuduk, menghadap kiblat, khusyuk dan _____.
5. Berdoa dapat mengingatkan diri kita supaya menghindarkan diri daripada kegiatan-kegiatan _____ dan tidak bermoral.
6. Umat Islam adalah dituntut untuk berdoa sama ada dalam masa _____ mahupun susah.
7. Anak yang baik sentiasa mendoakan _____ dan kesejahteraan ibu bapa dan ahli-ahli keluarganya.
8. Berdoa harus disertai dengan _____ agar dapat dicapai.
9. Kita tidak harus berputus asa apabila doa tidak _____.
10. Berdoa hendaklah dengan bersungguh-sungguh, khusyuk dan _____ supaya doa kita diperkenankan.

LIVEWORKSHEETS